

PBAPP syor kerajaan negeri lakukan pembenihan awan



Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan operasi pembenihan awan bagi mencapai kapasiti efektif minimum 80 peratus di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang menjelang Disember 2021. Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata terdapat sedikit taburan hujan di kawasan tadahan air di kedua-dua empangan, menyebabkan kapasiti efektif di Empangan Air Itam menurun kepada 77.3 peratus semalam berbanding 95.2 peratus pada 1



Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan operasi pembenihan awan bagi mencapai kapasiti efektif minimum 80 peratus di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang menjelang Disember 2021. Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata terdapat sedikit taburan hujan di kawasan tadahan air di kedua-dua empangan, menyebabkan kapasiti efektif di Empangan Air Itam menurun kepada 77.3 peratus semalam berbanding 95.2 peratus pada 1 Jan lepas, manakala Empangan Teluk Bahang turut menurun daripada 58.7 peratus kepada 56.7 peratus pada tempoh sama.

GEORGE TOWN, 12 Mac -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan operasi pembenihan awan bagi mencapai kapasiti efektif minimum 80 peratus di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang menjelang Disember 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata terdapat sedikit taburan hujan di kawasan tadahan air di kedua-dua empangan, menyebabkan kapasiti efektif di Empangan Air Itam menurun kepada 77.3 peratus semalam berbanding 95.2 peratus pada 1 Jan lepas, manakala Empangan Teluk Bahang turut menurun daripada 58.7 peratus kepada 56.7 peratus pada tempoh sama.

“Kami mengesyorkan kerajaan negeri melaksanakan pembenihan awan lagi tahun ini bagi menggalakkan hujan yang lebih banyak, yang boleh dilakukan pada April hingga Disember, sama seperti tahun lepas.

“Ini yang menyelamatkan kita tahun lepas kerana kita mendapat kapasiti yang bagus untuk kedua-dua empangan. Terdapat 15 operasi pembenihan awan yang dilakukan pada 2020 dan kami menyarankan ia turut dilakukan tahun ini,” katanya pada sidang media mengenai paras air empangan di Pulau Pinang di sini hari ini.

Beliau berkata Empangan Air itam mampu bertahan selama 75 hari dengan tahap kapasiti efektif semasa manakala Empangan Teluk Bahang selama 170 hari.

Jaseni berkata PBAPP mengeluarkan amaran bekalan air pertama tahun ini bagi memastikan kedua-dua empangan mempunyai kapasiti mencukupi hingga Ogos.

Tahun lepas katanya, kapasiti Empangan Air Itam mencapai tahap terendah iaitu 31.4 peratus pada 2 Okt manakala Empangan Teluk Bahang 16 peratus pada 5 Sept.

Beliau berkata PBAPP melaksanakan langkah kawalan cuaca kering bagi mengekalkan kapasiti penyimpanan dua empangan termasuk memantau kapasiti empangan di Pulau Pinang dan Kedah, serta paras air Sungai Muda setiap hari, selain mengoptimumkan pelepasan harian dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Jaseni berkata PBAPP juga melepaskan air mentah dari Empangan Mengkuang di Seberang Perai untuk menampung pengeluaran air di Loji Rawatan Air Sungai Dua jika perlu.